

Tema 18 : Pentadbiran dan Politik

Unit 36 : Pemimpin Berjasa, Negara Berjaya (m/s 227)

KEMAHIRAN MENULIS

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
3.7 Mengedit dan memurnikan pelbagai teks.	3.7.1 Mengedit ejaan, tanda baca dan kesalahan nahu yang mudah dengan betul tanpa mengubah maksud asal dalam perenggan.

Justifikasikan kesalahan ejaan, tanda baca, dan tatabahasa yang terdapat dalam bahan. Kemudian, betulkan kesalahan tersebut. Anda perlu menyalin perkataan itu semula. Pastikan ejaan dan tanda baca anda betul.

Nama Malaysia tidak lagi asing di seantero dunia. Persoalannya, apakah keistimewaan yang ada di negara ini sehingga dikenali dipersada dunia. Salah satu daripadanya ialah negara kita unik kerana mempunyai rakyat-rakyat yang berbilang bangsa, berlainan agama dan budaya serta bahasa. Namun, perbezaan ini tidak menjadi penghalang untuk kita bersatu demi menjaga negara yang tercinta. Sebenarnya, bukan mudah bagi manusia yang mempunyai begitu banyak perbezaan untuk berkerjasama seperti di negara kita.

Di Malaysia, sifat kebersamaan dan kekitaan telah dipupuk sejak dahulu lagi. Hal ini dapat dilihat bila anggota masyarakat sanggup untuk mengenyepikan perbezaan budaya dan nilai hidup untuk mengharungi kehidupan bersama. Kami mengharungi cabaran, berganding bahu, sedia mengorban untuk negara. Selain itu, rakyat berkongsi kejayaan dan kemakmuran hidup.

‘Kalau bukan kita, siapakah yang akan menyayangi negara kita. Marilah kita satukan hati dan jiwa untuk mengekalkan keharmonian negara,’ kata-kata dan saranan sebegini sering kita dengari.

Pada abad ke 21 ini, negara kita masih berdiri teguh hasil dari kesetiaan dan kecintaan terhadap negara di kalangan rakyat. Perasaan ini perlulah dipupuk oleh kita pada setiap masa. Ini dikatakan demikian kerana kesetiaan dan perasaan sayang terhadap tanahair akan meningkatkan kestabilan politik negara kita. Kestabilan politik turut mempengaruhi kekuatan ekonomi negara sekaligus membolehkan rakyat mengecapi kemakmuran dan keharmonian hidup. Ayuh, semarakkan cinta terhadap negara.

Kesalahan	Pembetulan
dipersada	
dunia.	
rakyat-rakyat	
berkerjasama	
mengenepikan	
Kami	
mengorban	
‘Kalau	
kita.	
negara,’	
ke 21	
dipupuk oleh kita	
Ini	
tanahair	
sekaligus	
negara.	